



Headline: Hantar laporan polis palsu, taktik baru Macau Scam Language: Malay  
Scam

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 14 September 2019

Page: 19

## ***Hantar laporan polis palsu, taktik baru Macau Scam***

**PORT DICKSON** - Jika sebelum ini sindiket Macau Scam memperdaya mangsa dengan menyamar sebagai polis dan pegawai bank tetapi kini mereka menggunakan modus operandi baharu dengan menghantar salinan laporan polis palsu kepada mangsa.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintenden Aidi Sham Mohamed berkata, taktik baharu itu bertujuan menakutkan mangsa yang kononnya terlibat dengan kes tertentu sekaligus meyakinkan bahawa kes dinyatakan itu wujud.

Menurutnya, modus operandi itu dikesan digunakan oleh sindiket berkenaan terhadap seorang lelaki warga emas berusia 79 tahun yang kerugian RM15,300 semalam.



**Aidi Sham (tengah) menunjukkan laporan polis palsu yang digunakan sindiket Macau Scam di Port Dickson di sini semalam.**

“Mangsa dihubungi oleh individu yang mengaku sebagai pegawai bank dan pegawai polis dengan menyatakan namanya telah disalahgunakan untuk penggunaan kad kredit bernilai RM7,000.

“Mangsa memberitahu yang dia tiada kad kredit seperti didakwa namun suspek menghantar salinan laporan polis berkenaan kes itu menerusi WhatsApp kepada mangsa,” katanya pada sidang akhbar di Ibu

Pejabat Polis Daerah Port Dickson di sini semalam.

Katanya, mangsa yang bimbang telah memberi maklumat perbankan kepada suspek dengan harapan kes itu diselesaikan.

“Sejurus itu mangsa menyedari ditipu apabila mendapati wang RM15,300 dalam akaun banknya hilang dan membuat laporan polis.

“Ini modus operandi terbaru yang kita kesan digunakan oleh sindiket Macau Scam bertujuan menakutkan mangsa,” katanya.

Sehubungan itu katanya, orang ramai dinasihatkan supaya tidak terburu-buru mendedahkan dan memberikan maklumat perbankan kepada individu tidak dikenali dan membuat semakan dengan pihak berkuasa terlebih dahulu.